

CNS3044

U GB 16-08 00167 BA150

aab

Mahathir - Perhimpunan

JANGAN ADAKAN PERHIMPUNAN BESAR UNTUK KEMPEN UMNO, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan anggota UMNO supaya jangan mengadakan perhimpunan yang besar untuk berkempen menjelang pemilihan parti November ini.

Perdana Menteri berkata perhimpunan besar untuk berkempen sudah pasti melibatkan penggunaan wang yang banyak.

"Kalau tidak ada duit macam mana hendak adakan perhimpunan yang besar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan "Forum Daya Saing Kebangsaan" anjuran bersama Majlis Perniagaan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di sini.

Dr Mahathir, yang Presiden UMNO, diminta mengulas penganjuran perhimpunan-perhimpunan yang besar untuk berkempen menjelang pemilihan parti itu November ini.

Sabtu lepas, satu perhimpunan tertutup bertemakan "Ke Arah Perpaduan Melayu" berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra yang dihadiri 7,000 orang terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta anggota-anggota pertubuhan belia dan UMNO dari seluruh negara. -- lagi

▼16/08/11-42MST

U GB 16-08 00180 BB499

aab

Mahathir - Perhimpunan 2 Kuala Lumpur

Dua Naib Presiden UMNO Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid adalah antara yang berucap berhubung isu semasa dalam parti pada perhimpunan lebih dua jam setengah itu. Turut berucap ialah anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Adnan Yaakob dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Gaya, Sabah, Encik Bandi Pilo, yang mewakili Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun.

"Jadi saya harap semua pihak janganlah adakan perhimpunan yang besar...kecil-kecil sudahlah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga diminta mengulas dakwaan beberapa orang pemimpin UMNO baru-baru ini berhubung penggunaan wang untuk memancing undi menjelang pemilihan parti itu.

Antara mereka yang mendakwa berlaku penggunaan wang ialah Abdullah dan anggota Majlis Tertinggi UMNO yang juga Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar.

Sambil menyifatkan sebarang peranan wang di dalam politik sebagai satu perbuatan yang tidak baik, Dr Mahathir berkata masalah itu memang berlaku di negara ini tetapi tidak begitu ketara seperti di sesetengah negara sehinggakan mereka terpaksa menukar kerajaan. -- lagi

▼16/08/12-10MST

U GB 16-08 00149 BB500

aab

Mahathir - Perhimpunan 3 Kuala Lumpur

"Ia belum begitu serius tetapi ia boleh menjadi serius. Semua penyakit bermula dengan sedikit tetapi ia akan menjadi semakin banyak," katanya.

Dr Mahathir berharap semua pihak seberapa yang boleh, mengelakkan diri daripada penggunaan wang dalam kegiatan politik.

Katanya penggunaan wang di dalam politik tidak akan berakhir kerana ciri-ciri politik wang ialah jika seseorang memberi RM10, seorang yang lain akan memberi RM11 dan jika orang lain memberi RM12, seorang yang lain pula akan memberi RM20.

Pemberian itu, katanya, akan terus meningkat kerana ia tidak akan memuaskan hati manusia.

Ketika ditanya sama ada UMNO sendiri mempunyai mekanisme untuk membendung politik wang, Dr Mahathir berkata : "Kita nasihat tetapi kita tidak ada Badan Pencegah Rasuah di dalam parti. Kadang-kadang kita dedahkan supaya anggota-anggota Umno tidak memberi tindak balas kepada politik wang".

-- lagi

▼16/08/12-43MSH

CNS3060

U GB 16-08 00098 BB501

aab

Mahathir - Perhimpunan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, katanya, Umno mempunyai jawatankuasa disiplin sendiri yang akan mengawasi penggunaan wang di dalam politik.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai dakwaan berlakunya penggunaan jentera kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Biro Tatanegara dalam kempen menjelang pemilihan UMNO itu.

Katanya sesiapa pun di dalam UMNO tidak dibenar menggunakan jentera kerajaan untuk berkempen menjelang pemilihan parti.

"Memanglah kita boleh gunakan jentera kerajaan dalam mempertahankan kerajaan, tetapi tidak untuk mempertahankan mana-mana individu dalam kerajaan," katanya. -- Bernama

AH AZG MA IRON